



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**9 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)**



---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**9 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)**

# Kesusahan belajar di Russia dorong pemilik klinik tawar Menu Rahmah

**Kangar:** Kesusahan ketika bergelar mahasiswa perubatan di Russia 15 tahun lalu mendorong seorang pemilik rangkaian klinik swasta yang juga pengusaha restoran mengambil bahagian dalam inisiatif menawarkan Menu Rahmah di negeri ini.

Pemilik Restoran Bekwoh, Dr Ahmad Fadhzil Mohamad, 38, berkata beliau terpanggil untuk menyahut saranan kerajaan bagi meringankan beban golongan B40 dengan memperkenalkan tiga Menu Rahmah.

"Ketika belajar di Russia saya pernah belajar memasak, dari situ timbul minat untuk terbabit dalam perniagaan makanan.

"Buat permulaan saya perkenalkan tiga Menu Rahmah, iaitu nasi ayam cincang, nasi telur berlada dan nasi gulaiikan termenung (ikan kembung) bersama air sirap dengan harga RM5 bagi setiap hidangan," katanya di sini, semalam.

Bapa kepada tiga orang anak itu berkata hatinya tersentuh apabila melihat seorang lelaki berpakaian lusuh membawa tiga anak untuk menikmati Menu Rahmah di restorannya, kelmarin.

"Pada kebiasaanya satu hidangan nasi bersama sejenis lauk, sayur dan air boleh mencapai RM10. Saya rasa gemira secara tidak langsung dapat membantu golongan B40 dengan menawarkan Menu Rahmah pada harga serendah RM5," katanya.

Dr Ahmad Fadhzil berkata,

sebagai pengalaman perubatan beliau memastikan menu yang disediakan adalah sihat dan mengandungi zat makanan seimbang seperti protein, karbohidrat dan fiber.

"Alhamdulillah sambutan yang diterima sejak hari pertama Menu Rahmah dijual semalam (kelmarin) amat menggalakkan khususnya daripada pelajar sekolah dan orang ramai," katanya.

## Cadang tambah menu

Dr Ahmad Fadhzil berkata, beliau bercadang untuk menambah menu Rahmah di restoran pada masa akan datang agar pelanggan tidak jemu menikmati menu yang sama.

Sementara itu, seorang Tiktokter Sharifah Shafinaz Syed Azmi, 29, mesra dengan panggilan Pinat, berkata sebagai menyokong usaha mempromosi Menu Rahmah yang diperkenalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), dia mengadakan ulasan makanan di gerai dan restoran yang menjual Menu Rahmah di akaun TikToknya Pinatreview.

"Dengan cara ini saya dapat memberi maklumat kepada peminat TikTok khususnya golongan B40 di mana mereka boleh dapatkan menu Rahmah pada harga serendah RM5," katanya yang mempunyai 226,100 pengikut.

Beliau berkata di Perlis terdapat banyak kedai makanan yang masih menjual menu makanan pada harga RM5, namun ramai masih tidak mengetahuinya.

BERNAMA



Nur Muhammad Tarif Mat Shah menunjukkan tiga Menu Rahmah ditawarkan di Restoran Bekwoh, Kangar.  
(Foto BERNAMA)

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 9/2/2023  
M/SURAT : 3



# Doktor perkenal Menu Rahmah RM5

Gembira dapat bantu ringankan beban golongan B40, pelajar

KANGAR

**K**esusahan ketika bergelar mahasiswa perubatan di Rusia kira-kira 15 tahun lalu mendorong seorang pemilik rangkaian klinik swasta yang juga pengusaha restoran mengambil bahagian dalam inisiatif menawarkan Menu Rahmah di negeri ini.

Pemilik Restoran Bekwoh, Dr Ahmad Fadhzil Mohamad, 38, berkata, beliau terpanggil untuk menyahut seruan kerajaan bagi meringankan beban golongan B40 dengan memperkenalkan tiga Menu Rahmah.

"Ketika belajar di Rusia, saya pernah belajar memasak, dari situ timbul minat untuk terlibat dalam perniagaan makanan."

"Buat permulaan, saya perkenalkan tiga Menu Rahmah iaitu nasi ayam cincang, nasi telur berlada dan nasi gulai ikan termenung (ikan kembung) bersama air sirap dengan harga RM5 bagi setiap hidangan," katanya kepada Bernama pada Rabu.

Bapa kepada tiga orang anak itu berkata, hatinya tersentuh apabila melihat seorang lelaki berpakaian lusuh membawa tiga orang anak untuk menikmati Menu Rahmah di restorannya pada Selasa.

"Kebiasaannya satu hidangan nasi bersama sejenis lauk, sayur dan



FOTO: BERNAMA

Pekerja Restoran Bekwoh, Nur Muhammad Tarif Mat Shah menunjukkan tiga Menu Rahmah iaitu nasi ayam cincang, nasi telur berlada dan nasi gulai ikan termenung yang dihidangkan bersama air sirap berharga RMS5 bagi setiap hidangan.



air boleh mencecah RM10. Saya rasa gembira kerana secara tidak langsung dapat membantu golongan B40 dengan menawarkan Menu Rahmah pada harga serendah RM5," ujarnya.

Jelas Dr Ahmad Fadhzil, sebagai seorang pengamal perubatan, beliau memastikan menu yang disediakan adalah sihat dan mengandungi zat makanan seimbang seperti protein, karbohidrat serta fiber.

"Alhamdulillah, sambutan yang diterima sejak hari pertama Menu Rahmah dijual semalam (Selasa) amat menggalakkan khususnya daripada pelajar sekolah dan orang ramai," katanya.

Tambah Dr Ahmad Fadhzil, beliau bercadang untuk menambah Menu

Rahmah di restorannya pada masa akan datang agar pelanggan tidak jemu menikmati menu yang disediakan.

Sementara itu, seorang TikToker, Sharifah Shafinaz Syed Azmi, 29, yang mesra dengan panggilan Pinat berkata, sebagai menyokong usaha mempromosi Menu Rahmah yang diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), dia mengadakan ulasan makanan di gerai dan restoran yang menjual Menu Rahmah di akaun TikToknya, Pinatreview.

"Dengan cara ini saya dapat memberi maklumat kepada peminat TikTok khususnya golongan B40 di mana mereka boleh dapatkan Menu Rahmah pada harga serendah RM5," katanya yang mempunyai seramai 226,100 pengikut.

HARI :	KHAMIS
TARIKH :	9/2/2023
M/SURAT :	1

**Menu Rahmah dorong  
peniaga turunkan harga »5**

## Menu Rahmah dorong peniaga turunkan harga

**PETALING JAYA:** Pengenalan menu Rahmah yang mendapat sambutan menggalakkan mendorong lebih ramai peniaga di seluruh negara mengambil langkah sama menawarkan menu yang berharga bawah RM5 itu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, selepas sering ditananya oleh pelanggan mengenai menu itu, peniaga mula memperkenalkan menu itu.

Pemilik Dapur Nikloh, Nik Haznita Yusuf, 41, di Alor Gajah, berkata, dia terpanggil untuk menyertai inisiatif berkenaan kerana mahu membantu masyarakat yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup.

"Niat saya memperkenal Menu Rahmah ini untuk membantu dan bersedekah kepada masyarakat. Walaupun margin untung sangat kecil, saya tetap berasa puas dapat berbuat ihsan



**PENIAGA** makanan, Jamaliah Yusoff, menunjukkan hidangan nasi bersama bersama sayur, kuah dan ayam goreng serta sambal yang dijual dengan harga RM5 di gerainya di Medan Selera 223, Petaling Jaya, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

kepada pelanggan," kata anak jati Kota Bharu, Kelantan itu.

Nur Nadiah Che Amran, 35, pula menyediakan lebih 15 jenis

lauk kedainya di Kampung Losong Haji Shafie, Kuala Terengganu dengan harga RM4 setiap satu.

"Tidak semua mampu membeli makanan dengan kos sara hidup yang meningkat hari ini. Selain dapat meringankan beban orang ramai, saya juga boleh bersedeka.

"Sebenarnya inisiatif ini telah dibuat tahun lalu namun sejak Menu Rahmah diperkenal, sambutan di kedai saya semakin menggalakkan," katanya.

Peniaga Nasi Ayam Budak Gemok, Amilia Ismail, 39, di Bukit Mertajam berkata, enam menu berbezaya pada harga di bawah RMS mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutama dalam kalangan penghantar p-hailing.

Dia mengakui keuntungan yang diperoleh hasil Menu Rahmah sedikit namun dianggap sebagai satu usaha untuk membantu golongan yang memerlukan.

"Diharapkan rezeki kita akan lebih bertambah sekali gus mem-

bantu orang ramai berjimat," katanya.

Di Sungai Limau Dalam, Yan, Kedah, peniaga, Nurliyana Izzati Ramli, 29, berkata, dia sudah memperkenalkan set makan tengah hari ala Menu Rahmah berharga RM5 sejak sebulan lalu.

"Banyak pelanggan terdiri mereka yang mengusahakan bendang dan staf pejabat berdekatan," katanya.

Seorang lagi peniaga, Norazilawati Mohamad, 36, dari Kampung Kajang Sebidang, Tumpat berkata, dia masih bertahan menjual semangkuk mi udang galah sejak setahun lalu pada harga RM5.

Pemilik gerai Moksu Na mi udang galah mengakui harga bahan mentah mengalami ke naikan mendadak terutamanya udang galah tetapi setakat ini, dia masih mahu bertahan.

Orang ramai mengeluh sukar cari kedai makan sahut seruan kerajaan

## 'Susahnya mahu cari Menu Rahmah'

PETALING JAYA — "Susahnya mahu cari Menu Rahmah." Demikian rata-rata komen orang ramai yang masih tercari-cari premis yang menawarkan Menu Rahmah pada harga bawah RMS.

Di George Town, mereka yang ditemui Kosmo! di sini mengatakan, sehingga kini masih sukar untuk mendapatkan juadah nasi putih berlauk ayam atau ikan dan sayur sejurus diperkenalkan kerajaan baru-baru ini.

Seorang pengguna, Feroz Omar, 56, berkata, dia setakat ini belum lagi menemui premis yang memperkenalkan Menu Rahmah di tengah bandar raya itu.

Menurutnya, dia tidak henti berusaha mencari premis atau gerai makanan yang menawarkan menu itu sejurus diperkenalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) untuk dinikmati seisi keluarga.

"Daripada 10 lokasi atau tempat makanan yang dikunjungi di pusat bandar George Town, belum ada satu pun premis yang menaikkan iklan memperkenalkan Menu Rahmah."

"Nilai RM5 ketika ini cukup untuk beli nasi, telur rebus dan sayur. Jika tambah seekor ikan masak sambal, anggaran harinya pula RMS.50 ke atas.

"Memang payah nak jumpa Menu Rahmah. Jika ada, saya memang akan ke situ, apatah lagi keadaan ekonomi sekarang yang tidak menentu," katanya.

Seorang lagi pengguna, Arsyad Haris, 49, berharap agar kerajaan atau agensi terlibat menyenaraikan premis-premis yang menawarkan Menu Rahmah di setiap negeri bagi tujuan memu-



NIK HAZNITA YUSUF menyediakan hidangan Ménú Rahmah yang dipesan pelanggan di gerainya di Masjid Tanah, Melaka semalam. - MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

dahkan orang ramai terutama keluarga kurang berkemampuan.

"Sekurang-kurangnya kami dapat merasai menu nasi lauk ayam pada harga murah berbanding asal iaitu dari RM8 hingga RM10 sebungkus," ujarnya.

Di Kuantan, seorang penduduk, Zakaria Ahmad, 57, berkata, meskipun hidangan berkenaan menjadi sebutan dalam media massa, namun sehingga kini dia belum lagi terjumpa kedai yang menawarkannya.

"Saya pun tidak tahu di mana kedai makan yang menawarkan menu ini kerana setiap hari saya

singgah makan di kedai biasanya harga dikenakan adalah antara RM9 hingga RM12," katanya.

Penduduk Felda Tekam Utara di Jerantut, Anuar Rahman, 58, berkata, dia berharap menu dengan harga murah itu dapat diperluaskan ke kawasan luar bandar khususnya di daerah itu.

"Saya masih tercari-cari premis yang menghidangkan Menu Rahmah ketika turun berbelanja di bandar Jerantut sejak dilibahkan baru-baru ini.

"Restoran mamak di Bandar Baharu Inderapura pun tidak tahu mengenai Menu Rahmah

untuk makan tengah hari dan makan malam dan seboleh-bolehnya, restoran mamak ini perlu dipilih menghidangkan Menu Rahmah kerana ia menjadi tumpuan golongan berpendapatan rendah," katanya.

Di Ipoh, Seorang kerani, Siti Musliha Mohd. Nur, 34, berkata, dia gembira dengan langkah kerajaan mewujudkan Menu Rahmah, namun ia sukar untuk didapati di sesetengah kawasan.

"Memang benar ada kedai makan yang mengambil inisiatif menjual Menu Rahmah kerana terpanggil dengan seruan kera-

jaan, namun jumlahnya tidak banyak.

"Sedangkan kita pun tahu golongan B40 cukup ramai. Jadi harapan saya adalah pemilik-pemilik kedai sudi menyediakan Menu Rahmah di premis masing-masing," katanya.

Seorang pembantu am, Mohd. Zaini Sulaiman, 39, berkata, dia telah mencuba Menu Rahmah di Pasar Raya Mydin di Meru, Ipoh, namun jarak perjalanan rumahnya ke sana lebih 20 kilometer (km).

Disebabkan itu, katanya, faktor jarak perjalanan untuk ke pasar raya tersebut dari kediannya menjadikan Menu Rahmah tidak berbaloi untuk dibeli.

"Menu itu baik, namun kos untuk ke pasar raya itu perlu difikirkan juga. Jadi bagi saya jika jarak restoran yang menjual Menu Rahmah kurang dari 10km, barulah berbaloi membelinya," katanya.

Di Kuala Lumpur, tinjauan di sekitar Lembah Pantai, Bangsar dan di beberapa kawasan Petaling Jaya mendapat, penyediaan Menu Rahmah masih terhad dan sukar untuk diperolehi.

Seorang kakitangan awam, Faizura Yusoff, 40, berkata, di sekitar Lembah Pantai, menu itu belum disediakan oleh mana-mana restoran.

"Buat masa ini saya tidak tahu di mana untuk dapatkan Menu Rahmah ini, sebelum ini saya cuba dan hanya perolehnya di Subang Jaya.

"Bagi saya di kawasan ini terutamanya kawasan bandar besar dan tumpuan, Menu Rahmah perlu diperbaikakan sebab di kawasan-kawasan seperti inilah perbelanjaan penduduknya agak tinggi," tambahnya.

# Health saviour

■ BY MUHAMMAD YUSRY  
newsdesk@thesundaily.com

**P**ETALING JAYA: Healthcare professionals have hailed the Menu Rahmah programme introduced by the government, calling it a "saviour" of the low-income group's health.

They say the RM5 meals for lunch and dinner, which come with protein from a serving of fish or chicken, a vegetable portion and white rice, provide enough of the daily nutrition required for the average Malaysian.

Farah Farhanah Hashim, who is a member of the Malaysian Dietitians Association, said: "Malnutrition can be defined as underweight, stunting, wasting, overweight or obesity. Comparing household income groups based on the National Health Morbidity Survey 2020, the B40 contributes the highest prevalence of malnourishment at 14.1%, followed by T20 at 13.2% and M40 at 12.3% of our 32 million population."

"The survey showed 14.8% of children (five to 17 years) and one in two adults were obese. As for the elderly and those at risk of malnutrition, it is about 30.8%. All of this is caused by malnourishment due to not consuming the correct amount of calories. Healthy food is expensive. Hence cheaper alternatives such as fast food were their preference."

Farah Farhanah said Menu Rahmah helps B40 people by providing them with a macronutrient consisting of carbohydrates at 225 kilocalories (kcal), protein (210kcal) and fat

► RM5 Menu Rahmah meals provide daily nutrition required for average Malaysian

(100kcal) as well as micronutrients (vitamins and minerals), which come mainly from vegetables.

The meal is suitable for Malaysians, especially malnourished children and obese adults, because it provides about 500kcal per meal. If an obese adult complies with 1,500kcal per day, it will help him to reduce his weight by 0.5kg to 1kg per week. Meanwhile, malnourished children can get enough energy and calories needed daily."

Farah Farhanah said the world currently has a food crisis, where nearly one in three people lacks regular access to adequate food.

"One in 10 people worldwide is suffering from hunger based on the Sustainable Development Goals Report 2022 published by the United Nations. I hope Menu Rahmah will be sustained in terms of its 3P - price, portion and plate - particularly to overcome malnourishment among those from the B40 group."

"At the same time, as Menu Rahmah represents the concept of a healthy plate for Malaysians, I hope it creates awareness among the public to choose their meals wisely and healthily. I would suggest the meal be improved and turned into a healthier version. Please reduce the gravy as it contains oil, and add a

serving of fruit too," she said.

Universiti Teknologi Mara nutritionist Assoc Prof Dr Mahenderan Appukutty said the meal can help the public gain access to affordable food and meet the nutrient requirement to a certain level.

He said statistics on malnourished Malaysians currently remain the same as in 2020.

"The menu is promoted for lunch and dinner. If the public consume the meal according to their daily requirements, then it will be helpful. I suggest the menu be alternated between animal protein (chicken, fish, eggs or cheese) and plant-based protein (tempeh, tofu, legumes and nuts).

"Menu Rahmah can educate and empower local food vendors to use locally grown foods and reduce fat, salt and sugar in the preparation as they can practise healthy cooking methods," he said.

Menu Rahmah is a programme launched by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry for the hardcore poor and targets the participation of 15,000 restaurants nationwide.

Last month, its minister Datuk Seri



Salahuddin Ayub said around 12,000 restaurants had offered the menu, including those affiliated with the Malaysian Indian Restaurant Owners Association, Malaysian Muslim Restaurant Owners Association, Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors General Association and Mydin supermarket outlets nationwide.

# Perluas pendekatan rahmah pacu pembangunan Malaysia Madani

**Badlishah Sham  
Bararin**  
Presiden, Pertubuhan  
IKRAM Malaysia

**Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim** dalam ucapannya pada 12 Januari lalu menekankan pendekatan berkonsepkan 'Rahmah' dalam semua program kerajaan yang memberi keutamaan kepada kebajikan golongan miskin.

Menerusi pendekatan ini, beliau mahu memastikan tumpuan lebih diberikan terhadap projek pendidikan, kesihatan dan kebajikan termasuk tebanir, berbanding projek mega.

Pendekatan Rahmah sudah dimulakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang memperkenalkan inisiatif 'Payung Rahmah' bagi mengurangkan beban kos sara hidup golongan berpendapatan rendah (B40) dan miskin tegar.

Program jangka pendek ini membabitkan empat elemen iaitu Bakul Rahmah (bantuan makanan bulanan), Kafe Rahmah (bantuan makanan pelajar universiti), Jualan Murah Rahmah dan Barang Rahmah dengan harga barang-barang asas yang lebih rendah, di samping Menu Rahmah yang dilancarkan KPDN baru-baru ini.

Selain itu, inisiatif Sumbangan Tunai Rahmah turut dilaksanakan kerajaan kepada keluarga dan individu B40, sebagai kesinambungan daripada bantuan tunai kerajaan sebelum ini.

Namun, adakah makna rahmah ini difahami dan dihayati oleh masyarakat? Apakah maksud rahmah dalam pendekatan yang digunakan kerajaan sekurang-kurangnya?

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), rahmah atau rhamat adalah perkataan Arab yang bermaksud belas kasihan, kurnia, berkat, bahagia, kelebihan, hikmah, faedah dan kegunaan.

Rahmah diulang sebanyak 64 kali dalam al-Quran dan 327 kali jika dihitung sekali dengan kata-kata terbitannya.

Rahmah mengandungi maksud yang lebih luas da-

lam al-Quran dengan tidak kurang daripada 14 makna, antaranya agama Islam, syurga, hujan, kenaikan, kenikmatan, rezeki, pertolongan dan kemenangan, kesihatan, kasih sayang, keimanan, petunjuk, Nabi Isa AS, Rasulullah SAW dan al-Quran itu sendiri.

Jelas di sini bahawa makna perkataan rahmah mencakupi segala bentuk kebaikan dan kebajikan yang seharusnya disebarluaskan kepada umat manusia.

#### Acuan membangunkan negara

Dalam konteks negara rahmah, ia dilambangkan dalam kepemimpinan negara kompeten dan berintegriti; sistem pemerintahan berdasarkan semak dan imbang yang berkesan; tadbir urus baik; keadilan undang-undang; masyarakat berilmu, berakhlaq dan penyayang serta keutuhan institusi keluarga.

Selain itu, ia turut merangkumi hubungan etnik dan penganut agama yang harmoni; kemampaman ekonomi; kesaksamaan agihan kekayaan; pembangunan lestari; kebajikan, kesihatan dan keselamatan rakyat terjaga serta keamanan juga kesejahteraan sejagat.

Semua 12 ciri negara rahmah ini selari dengan konsep Malaysia Madani sebagai acuan untuk membangunkan negara. Malaysia Madani mengambil teladan daripada kejayaan Nabi Muhammad SAW, membina negara Madinah dengan mendamaikan suku Aus dan Khazraj, mempersaudarakan golongan Muhacirin dan Ansar serta menyatukan semua kaum di Madinah.

Pendekatan rahmah ini adalah milik semua kerana ia mencakupi segala bentuk kebaikan dan kebajikan yang diingini serta diperlukan oleh semua manusia, baik pada peringkat individu, keluarga, masyarakat, negara maupun antarabangsa.

Tanpa sifat rahmah, sikap mengasih, menghormati dan prihatin untuk menyebarluaskan kebaikan terhadap sesama manusia tidak akan berlaku ker-

na kepentingan diri serta kuasa yang dimiliki lebih mendomini.

Rahmah bukanlah milik kerajaan semata-mata, bahkan ia adalah kepunyaan semua rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama untuk hidup harmoni serta makmur di bawah lembang persaudaraan kemanusiaan, seterusnya dilebarkan ke segenap pelosok dunia.

Oleh itu, pendekatan rahmah sewajarnya diperluaskan lagi pelaksanaannya melangkaui kebajikan, pendidikan dan kesihatan golongan rentan dalam memacu pembangunan Malaysia Madani yang holistik, seimbang dan inklusif.



# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 9/2/2023  
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM7.99	• Telur Gred A RM13.50	• Gula Pasir RM2.42	• Cili Merah RM1.00
	• Daging Lembu Tempatan RM44.29	• Ikan Kembung RM14.99	• Bawang Besar Holland RM2.59	• Kubis Bulat Tempatan RM3.80
	• Daging Lembu Import RM55.80	• Minyak Masak RM6.35	• Bawang Putih RM4.99	• Tepung'Gandum RM3.23

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN-HEP



---

## **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

**9 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 9 FEBRUARI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
9-Feb	Food sellers are ready to support the Menu Rahmah meal plan	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/v/427173">https://www.themalaysianinsight.com/v/427173</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
9-Feb	Marine police arrest van driver, seize 1,500 litres of diesel in Miri	<a href="https://www.theborneopost.com/2023/02/08/marine-police-arrest-van-driver-seize-1500-litres-of-diesel-in-miri/">https://www.theborneopost.com/2023/02/08/marine-police-arrest-van-driver-seize-1500-litres-of-diesel-in-miri/</a>	THEBORNEOPOST
9-Feb	Aplikasi lokasi Menu Rahmah akan diwujudkan	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/aplikasi-lokasi-menu-rahmah-akan-diwujudkan/">https://www.buletintv3.my/nasional/aplikasi-lokasi-menu-rahmah-akan-diwujudkan/</a>	BULETINTV3
9-Feb	KPDN bangunkan aplikasi lokasi Menu Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1061620/kpdn-bangunkan-aplikasi-lokasi-menu-rahmah">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1061620/kpdn-bangunkan-aplikasi-lokasi-menu-rahmah</a>	BH
9-Feb	Menu Rahmah: KPDN bangunkan aplikasi mudahkan cari lokasi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/934012/menu-rahmah-kpdn-bangunkan-aplikasi-mudahkan-cari-lokasi">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/934012/menu-rahmah-kpdn-bangunkan-aplikasi-mudahkan-cari-lokasi</a>	HM
9-Feb	Menu Rahmah initiative incurs no cost to govt - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/189924">https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/189924</a>	SINARDAILY
9-Feb	Menu Rahmah initiative incurs no cost to govt – Salahuddin	<a href="https://m.malaysiakini.com/news/654417">https://m.malaysiakini.com/news/654417</a>	MALAYSIAKINI
9-Feb	Menu Rahmah tak libat peruntukan kerajaan, kata menteri	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/09/menu-rahmah-tak-libat-peruntukan-kerajaan-kata-menteri/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/09/menu-rahmah-tak-libat-peruntukan-kerajaan-kata-menteri/</a>	FMT
9-Feb	Inisiatif Menu Rahmah tidak libat perbelanjaan kerajaan - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/inisiatif-menu-rahmah-tidak-libat-perbelanjaan-kerajaan-salahuddin-405681%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/inisiatif-menu-rahmah-tidak-libat-perbelanjaan-kerajaan-salahuddin-405681%3famp=1</a>	ASTROAWANI
9-Feb	Inisiatif Menu Rahmah tidak libat perbelanjaan kerajaan - Salahuddin	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2162897">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2162897</a>	BERNAMA

9-Feb	Menu Rahmah initiative incurs no cost to govt - Salahuddin	<a href="https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2162903">https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2162903</a>	BERNAMA
9-Feb	Menu Rahmah tak libat duit kerajaan, kata Salahuddin	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/427272">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/427272</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
9-Feb	PM Anwar lauds Menu Rahmah initiative	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/877746/pm-anwar-lauds-menu-rahmah-initiative">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/877746/pm-anwar-lauds-menu-rahmah-initiative</a>	NST
9-Feb	Daging burung puyuh Rahmah laris	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2023/02/1061587/daging-burung-puyuh-rahmah-laris">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2023/02/1061587/daging-burung-puyuh-rahmah-laris</a>	BH
9-Feb	Doktor perkenal Menu Rahmah di Perlis	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/933905/doktor-perkenal-menu-rahmah-di-perlis">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/933905/doktor-perkenal-menu-rahmah-di-perlis</a>	HM
9-Feb	Menu Rahmah initiative incurs no cost to govt, says Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/08/menu-rahmah-initiative-incurs-no-cost-to-govt-says-salahuddin/54029">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/08/menu-rahmah-initiative-incurs-no-cost-to-govt-says-salahuddin/54029</a>	MALAYMAIL
9-Feb	Domestic Trade Ministry: 95pc complaints received via Aduan Suri have been resolved	<a href="https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/08/domestic-trade-ministry-95pc-complaints-received-via-aduan-suri-have-been-resolved/54027">https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/08/domestic-trade-ministry-95pc-complaints-received-via-aduan-suri-have-been-resolved/54027</a>	MALAYMAIL
9-Feb	95 peratus Aduan Suri berjaya diselesaikan - Fuziah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/95-peratus-aduan-suri-berjaya-diselesaikan-fuziah-405680%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/95-peratus-aduan-suri-berjaya-diselesaikan-fuziah-405680%3famp=1</a>	ASTROAWANI
9-Feb	95 pct complaints received via Aduan Suri have been resolved — KPDN	<a href="https://selangorjournal.my/2023/02/95-pct-complaints-received-via-aduan-suri-have-been-resolved-kpdn/">https://selangorjournal.my/2023/02/95-pct-complaints-received-via-aduan-suri-have-been-resolved-kpdn/</a>	SELANGORJOURNAL

9-Feb	Lebih 900 Aduan Suri diterima, 95 peratus diselesaikan	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/08/lebih-900-aduan-suri-diterima-95-peratus-diselesaikan/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/08/lebih-900-aduan-suri-diterima-95-peratus-diselesaikan/</a>	KOSMO
9-Feb	909 Aduan Suri diterima, 95 peratus berjaya diselesaikan	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/nasional/56897-909-aduan-suri-diterima-95-peratus-berjaya-">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/nasional/56897-909-aduan-suri-diterima-95-peratus-berjaya-</a>	BERITARTM
9-Feb	95pc Aduan Suri complaints resolved, says Fuziah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/877809/95pc-aduan-suri-complaints-resolved-says-fuziah">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/877809/95pc-aduan-suri-complaints-resolved-says-fuziah</a>	NST
9-Feb	95pct complainst received via aduan suri have been resolved	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2162894">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2162894</a>	BERNAMA
9-Feb	95 peratus Aduan Suri berjaya diselesaikan - Fuziah	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2162888">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2162888</a>	BERNAMA
9-Feb	Consumers urged to use proper channels to lodge complaints	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/08/consumers-urged-to-use-proper-channels-to-lodge-complaints">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/08/consumers-urged-to-use-proper-channels-to-lodge-complaints</a>	THESTAR
9-Feb	Harga luar biasa sayur dipantau	<a href="https://suarasarawak.my/2023/02/harga-luar-biasa-sayur-dipantau/">https://suarasarawak.my/2023/02/harga-luar-biasa-sayur-dipantau/</a>	SUARASARAWAK
9-Feb	Penyeludup campak minyak masak elak ditahan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1061478/penyeludup-campak-minyak-masak-elak-ditahan">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1061478/penyeludup-campak-minyak-masak-elak-ditahan</a>	BH
9-Feb	Penyeludup campak minyak masak sebelum larikan diri	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/933964/penyeludup-campak-minyak-masak-sebelum-larikan-diri">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/933964/penyeludup-campak-minyak-masak-sebelum-larikan-diri</a>	HM
9-Feb	Penyeludup buang 30 kg minyak masak paket elak dicekup	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/penyeludup-buang-30-kg-minyak-masak-paket-elak-dicekup/?utm_source=rss&amp;utm_medium=ss&amp;utm_campaign=penyeludup-buang-30-kg-minyak-masak-paket-elak-dicekup">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/penyeludup-buang-30-kg-minyak-masak-paket-elak-dicekup/?utm_source=rss&amp;utm_medium=ss&amp;utm_campaign=penyeludup-buang-30-kg-minyak-masak-paket-elak-dicekup</a>	UM